

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI  
SHIEN [ JULAU ]**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk meningkatkan peranan kawasan luar bandar terutama sekali di Sabah dan Sarawak sebagai hab keselamatan makanan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Daripada lapan juta hektar tanah pertanian dalam negara, sektor agromakanan hanya meliputi 0.75% daripada jumlah tersebut. Kebanyakan tanah pertanian ini terletak di kawasan luar bandar berbanding dengan kawasan bandar. Sehubungan itu, kawasan luar bandar berperanan besar sebagai pembekal komoditi agromakanan utama negara. Berbekalkan kepada peratusan kawasan luar bandar yang tinggi, Negeri Sabah dan Sarawak boleh memainkan peranan yang lebih aktif sebagai pengeluar utama komoditi agromakanan negara.

2. Bagi tahun 2018 sumbangan negeri Sarawak kepada KDNK sektor pertanian negara adalah tertinggi iaitu pada kadar 16.5 %, manakala negeri Sabah pada kedudukan ketiga dengan kadar 13.8 %. Kedua-dua negeri ini juga merupakan di antara pengeluar utama komoditi agromakanan seperti tanaman industri (seperti kopi, teh, cendawan dan rumbia/ pokok sagu), tanaman kontan, ternakan ayam dan babi serta perikanan pantai dan laut dalam.

3. Berdasarkan kepada statistik ini, Kerajaan akan terus meningkatkan peranan negeri Sabah dan Sarawak dalam menjamin bekalan makanan negara di masa hadapan menerusi pelbagai inisiatif pembangunan seperti berikut:

- I. Membangunkan pusat pengumpulan dan pengedaran seperti Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) yang terletak sama ada di dalam atau berhampiran kawasan pengeluaran dengan menyediakan kemudahan infrastruktur bagi mengumpul dan menyediakan produk sebelum dipasarkan;
- II. Menggalakkan petani menceburi pelbagai projek agromakanan yang bernilai tinggi seperti seperti durian, madu kelulut, cendawan, herba akuakultur, rumpai laut dan sarang burung walit;
- III. Melantik golongan petani sebagai usahawan pemasar di mana golongan petani atau anak-anak mereka digalakkan untuk memasarkan sendiri produk-produk keluaran mereka dengan menggunakan medium ICT serta menerokai industri hiliran seperti menjadi usahawan industri asas tani;

## SOALAN NO : 11

- IV. Menggalakkan penyertaan golongan belia luar bandar melalui Program Agropreneur Muda supaya menceburi bidang pertanian moden dan menceburi sektor agropelancongan di mana kawasan luar bandar mempunyai daya tarikan tersendiri kepada masyarakat bandar dan pelancong asing;
- V. Melaksanakan pembangunan dua Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baharu;
- VI. Meningkatkan pengeluaran dalam sektor perikanan menerusi pengukuhan pengurusan perikanan tangkapan, menaiktaraf infrastruktur dan prasarana pendaratan ikan, menguatkuasakan Pemantauan, Kawalan dan Pengawasan (MCS) dan memperkasa industri akuakultur;
- VII. Meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran menerusi pelbagai inisiatif penanaman seperti peluasan kawasan tanaman, penggunaan teknologi pertanian moden dan sebagainya; dan
- VIII. Melaksanakan sebuah Lembah Tenusu termasuk di Negeri Sabah dengan mensasarkan tambahan susu segar sebanyak 20 juta liter dalam tempoh lima tahun; dan
- IX. Menyokong pelaksanaan dasar negeri Sabah dan Sarawak dalam pembangunan agromakanan.

Sekian, terima kasih.